



## Daerah Sekolah Vancouver Barat Program Pendidikan Internasional

### Pokok-Pokok

- Keunggulan dalam Program-program akademik, kejuruan, teknik dan seni rupa
- Program-program Baccalaureate Internasional bagi pelajar-pelajar yang mencapai keunggulan dalam mata pelajaran yang tertentu
- Pelajar-pelajar akan duduk di daerah kota yang indah dibatasi gunung-gunung dan lautan
- Program khas bagi para olahragawan / olahragawati dan pemusik yang berbakat supaya dicapainya keunggulan

### Program-program Yang Dapat Dipilih

- British Columbia Ministry of Education Graduation Diploma Program (Program Diploma Tamatan Departemen Pendidikan British Columbia)
- Advanced Placement Program (Program Tingkat Lanjutan atau Tinggi)
- International Baccalaureate (IB) Program (Program Baccalaureate Internasional)
- English as Second Language Program (Program Bahasa Ingeris Sebagai Bahasa Yang Kedua)
- Career Diploma Program (Program Diploma Karir)
- Program-program jangka pendek seluruh tahun

### Informasi Program

Diploma : Sekolah Menengah BC

Taraf program: kelas 7 - 12

Sekolah swasta atau negeri: Sekolah negeri Tahunan takwim: bulan September - bulan Juni Tahun program didirikan: tahun 1982 Jumlah jam dan pengajaran setiap minggu: 25 Kemungkinan diterima oleh perguruan tinggi / universitas:

Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD) telah mencapai dengan hasil baik untuk mendidik pelajar-pelajar yang kemudiannya dapat melanjutkan pelajarannya di perguruan tinggi seluruh dunia.

Kebijaksanaan Pembayaran Kembali Pembayaran uang untuk masuk sekolah sebanyak CS\$200 tidak akan dikembalikan. Pembayaran kembali akan dibuat dengan penuhnya kepada pelajar yang tidak mendapat visa. Pembayaran kembali sebesar 66% akan dibuat kepada pelajar yang menarik diri sebelum permulaan program (selepas mendapat visa) atau pembayaran kembali sebesar 50% akan dibuat kepada pelajar yang menarik diri dalam 30 hari selepas program telah bermula. Jikalau didapati bahwa pelajar bersalah kerana tidak mematuhi ayat-ayat dalam "Perjanjian Partisipasi Program", maka uang kuliah terbayar tidak boleh dikembalikan.

Para pelajar yang telah memberitahu akan kembali dan meneruskan program-programnya di Daerah Sekolah Vancouver Barat boleh menerima kembali separuh uang sekolah tahunannya, yaitu jikalau mereka menarik diri daripada program bersangkutan sebelum tanggal 15 haribulan Juni.

### Perihal Pelajar

Umur pelajar: 12 - 18 tahun

Sejumlah pelajar tiap kelas: 22-26 orang

Sejumlah pelajar tiap sekolah: 899-1500 orang

Perbandingan pelajar guru: 20:1

Melalui Guru Kepala Pendidikan Internasional, 303-1549 Marine Drive, West Vancouver, BC Canada V7V 1H9  
Telefon: 1-604-981-1158  
Fax: 1-604-925-2033  
Email: [intl@sd45.bc.ca](mailto:intl@sd45.bc.ca)  
Internet: <http://www.sd45.bc.ca>

### Rencana Pelajaran - Peninjauan Luas

Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD) mempunyai sesuatu sistem persekolahan yang unggul dan terkenal di dunia. Sistem ini memberikan para pelajar seluruh dunia kesempatan untuk mengalami kebudayaan Kanada dan pendidikan dalam sesuatu daerah kota yang indah.

Para pelajar Internasional dari kelas lapan sampai kelas dua belas dapat memilih salah satu dari dua program: program intensip bahasa Inggeris (intensive English program) atau program pengintegrasikan akademik (integrated academic program). Program intensip bahasa Inggeris menurut prinsip-prinsip bahwa bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa yang kedua. Para pelajar diberikan pengantar peraturan-peraturan tatabahasa Inggeris kemudian diajar cara mengguna dan memperluaskan garis pedomannya.

Kemahiran yang dapat dipelajari dalam program ini berguna untuk mencapai secara tambahan tujuan pendidikan, peribadi atau pekerjaan. Kesemua Pelajar Internasioanl diwajibkan untuk mempelajari program Bahasa Inggeris selama satu bulan pada waktu cuti sekolah musim panas diantara kelas 10 dan 11 dan juga diantara kelas 11 dan 12.

Rencana pelajaran akademik yang biasa itu mengintegrasikan Para Pelajar Internasional dengan para pelajar Kanada dalam ruangan kelas. Pelajar-pelajar boleh memilih dari program ini seperti ilmu pasti, ilmu kemasyarakatan sosial, bahasa Inggeris, bahasa Prancis dan ilmu-ilmu pengetahuan dan juga mata-mata pelajaran pilihan seperti ilmu kelingkungan, sains, komputer, kesenian, umat, manusia, pendidikan bisnis, ilmu kerumahtanggaan, bahasa-bahasa, pendidikan jasmani, teknologi dan senidrama, muzik dan senitari (visual & performing arts). Program-program tersebut boleh diambil secara bercampur untuk menyelesaikan sesuatu program khas dan bernilai yang memenuhi keperluan lembaga persekolahan supaya tamat sekolah dalam sistem pendidikan British Columbia.

Program Tingkat Lanjutan dan Program Baccalaureate Internasional ialah pilihan

populer bagi para pelajar dalam negeri dan dari luar negeri di Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD). Dengan pelajaran pada tingkat tinggi, para pelajar mendapat mata ujian bagi tamatan diploma dan menyediakan diri bagi tamatan diploma dan menyediakan diri bagi pendidikan lanjutan di Benua Ameika Utara selepas tamatan sekolah menengah.

Paara pelajar yang dapat menyelesaikan kursus tersebut mendapat mata ujian tingkat tinggi pada tingkat universitas yang akan membantunya meloncati program-program pengantar dan maju ke peringkat lanjutan dalam pelajaran mata pelajaran bersangkutan.

### Kegiatan-Kegiatan dan Fasilitas-Fasilitas

Pelajar-pelajar yang bersekolah di salah satu dari tiga buah sekolah menengah di Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD) boleh mengguna fasilitas-fasilitas yang dipelihara dengan baik dan maju dalam teknologi.

Untuk memuaskan kederluan yang mengubah pada penghujung Abad Ke-20, Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD) sedang dalam proses melengkapi fasilitasnya dengan teknologi computer. Kesemua gedung sekolah dilengkapi dengan sistem jaringan (network) LANs dan hubungan dengan sumber-sumber seperti Internet. Otomatisasi perpustakaan-perpustakaan sekolah membantu para pelajar mempergunakan tempat-tempat penyimpanan pengetahuan dan sumber-sumber pengetahuan. Oleh kerana mengetahui kepentingannya pengikutsertaan dalam aktivitas ekstrakurikuler terhadap sesuatu pendidikan yang seimbang, Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD) telah menghasilkan sesuatu program olahraga yang unggul supaya para pelajar dapat menikmati olahraga didalam / diluar, gedung perkumpulan masyarakat dan sosial yang meningkatkan kesihatan, hubungan dan persahabatan.

### Program dan Tempatnya

Sejak tahun 1982 Daerah Sekolah Vancouver Barat telah mengajak Pelajar Internasional untuk mengambil bagian bersama dengan para pelajar Kanada dalam pengalaman pendidikan dan kebudayaan. Program yang lama didirikan ini memberi sesuatu sistem tersusun yang aman untuk Para Pelajar Internasional mengambil bagian sepenuhnya dalam kesemua segi mengenai kebudayaan Kanada.

Proses untuk mengintegrasikan Para Pelajar Internasional dengan ruangan-ruangan biasa dianggap sebagai sesuatu cara terbaik untuk memecahkan rintangan-rintangan bahasa dan sosial.

## Daerah Sekolah Vancouver Barat Program Pendidikan Internasional

Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD) menganjurkan keikutsertaan dan interaksi

antara kesemua pelajar dan dengan itu mengakibatkan sesuatu lingkungan pelajaran yang bekerjasama dan menggalakan.

Kesemua pelajar wajib duduk bersama dengan salah satu dari beberapa keluarga di Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD). Pelajar-pelajar beruntung dari penyokongan keluarga yang mereka duduk bersama disamping mendapat kesempatan untuk mengambil bagian dalam banyak kegiatan yang baharu.

Sistem pengangkutan Vancouver Barat mengadakan pengangkutan ke banyak daerah di Vancouver Barat. Pada waktu sesuai bis-bis menuju ke tempat-tempat utama di daerah tempat kediaman dan bersambung dengan bis-bis yang melayani daerah di Metropolis Vancouver.

Vancouver Barat, sesuatu bagian pinggir kota di Vancouver Metropolis, terletak di antara gunung-gunung yang melangit dan lautan. Ia adalah sesuatu daerah yang indah yang lama didirikan dengan rumah-rumah pribadi yang berhadapan dengan Jambatan Lion's Gate dan sebagian kota. Para Pelajar Internasional boleh duduk dalam keliling yang indah dan aman di daerah ini dan sementara itu berkunjung ke daerah lain di kota untuk mencari kegemaran dan hiburan.

Metropolis Vancouver menawarkan para pelajar banyak peluang untuk mengalami makanan enak, peristiwa olahraga, berbelanja dan hiburan. Gunung-gunung dekat menawarkan tamasya, berski, perjalanan kaki dan berbasikal.

### Pemasukan

Program Daerah Sekolah Vancouver Barat memulai dari September sehingga Juni tiap tahun dengan cuti pada Desember dan Maret.

Pemasukan kedalam Program Pendidikan Internasional dipertimbangkan selepas permohonan-pemohon mengajukan biaya permohonan sebanyak C\$200 yang takkan dikembalikan bersama dengan sekurang-kurangnya sepucuk surat pujian daripada seorang guru atau guru kepala dan catatan angka-angka pekerjaan sekolah pada tiga tahun yang lalu. Para pelajar harus juga membayar biaya penempatan penginapan rumahtangga sebanyak C\$300 yang takkan dikembalikan. Biaya ini diperlukan untuk membayar ongkos-ongkos administratif yang bersangkutan dengan mencari penginapan bagi para pelajar.

Sebaik-baik saja diberitahu mengenai penerimaannya kedalam program ini, pelajar-pelajar diwajibkan membayar sepenuhnya uang kuliah untuk memesan tempatnya dalam program. Sebarang pelajar yang tidak membayar demikian

akan diganti oleh pelajar lain yang menunggu-nunggunya.

Para Pelajar Internasional harus mendapat visa pelajar. Permohonan boleh diajukan kepada Pesuruhjaya Tinggi di negeri dimana pelajar-pelajar bersangkutan duduk. Kegagalan untuk mendapat visa pelajar akan mengakibatkan penarikan kembali program yang telah ditwari itu.

Kesemua Para Pelajar Internasional harus mempunyai asuransi kesihatan untuk melindungi mereka dari biaya-biaya yang berpunca dari kecelakaan dan kesakitan. Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD) telah memasukkan ongkos asuransi kesihatan sebanyak C\$700 dalam uang kuliah. Kesemua dokumentasi akan tersedia pada waktu ketibaan pelajar di Kanada.

### Penyokongan bagi Para Pelajar Internasional

Para Pelajar Internasional Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD) boleh mempergunakan beberapa sumber-sumber pembantuan yang mempermudah ketegangan berpindah dan bersekolah di sebuah negeri yang belum terbiasa. Perbedaan kebudayaan dalam cara hidup, pendidikan dan agama akan dihormati para pelajar lain, guru, keluarga kediaman dan pekerja penyokong di sekeliling.

Setiap sekolah ada seorang penasihat kepada Para Pelajar Internasional yang akan menyelesaikan masalah-masalah pada waktu timbulnya. Para pekerja yang tugasnya untuk member layanan nasihat dan pertolongan boleh membantu pelajar-pelajar yang memerlukan informasi mengenai langkah-langkah menuju pendidikan selepas persekolahan menengah di Kanada ataupun di lain tempat.

Aktivitas ekstrakurikuler memberikan kesempatan yang baik sekali untuk para pelajar terlibat dalam cara hidup di Daerah Sekolah Vancouver Barat (WVSD). Pelajar-pelajar dianjurkan untuk menyertai secara aktif dalam gedung perkumpulan atau regu yang menarik hatinya. Sumbangannya yang bernilai itu boleh memperluaskan pemandangan kesemua pelajar.

### Kemasyarakatan dan Letaknya

Jumlah penduduk : 41,000  
Suhu : 0 derajat hingga 27 derajat Centigrade  
Lingkungan: lingkungan kota

### Pemasukan Sepintas Lalu

Kwalifikasi bahasa Inggeris Sekurang-kurangnya :  
Tingkat rendah: Pelajar diintegrasikan kedalam program sekolah menengah sewaktu kefasihan bahasanya semakin maju.

Kwalifikasi Akademik Sekurang-kurangnya : Pelajar dinilai berdasarkan keadaan demi keadaan. Umumnya 75% berdasarkan pekerjaan kursus akademik

Surat-surat Pujian: Diperlukan.

Biaya permohonan: C\$200

Tanggal Terakhir Untuk Menerima Permohonan:

31 Maret (bagi pemasukan September)

31 Oktober (bagi pemasukan Februari: kelas 8, 9 dan 10 saja; dalam keadaan khas, beberapa kelas 11 juga)

### Biaya

Uang Kuliah Luar Negeri: C\$14,700 setahun

Lebih kurang bersamaan dengan US\$: US\$12,900 setahun

Asuransi Kesihatan: Termasuk Biaya Buku dan Laboratorium: Termasuk

Penginapan (termasuk biaya makanan):

Penginapan Sekolah: Tidak berkenaan

Pribadi: Tidak berkenaan

Biaya Penempatan Penginapan

Rumahtangga: C\$300 (sekali saja)

Penginapan Rumahtangga: C\$800 sebulan

### Para Pelajar Internasional

Jumlah Pelajar Program : 500

Sebagai Persentase Jumlah Pelajar Di Daerah : 8%

Telah Diterima Masuk Sejauh Tahun bagi Program : 70

Negeri Asalnya:

Daerah Sekolah Vancouver Barat telah menerima pelajar-pelajar dari Indonesia, Singapura, Thailand, Hong Kong, Korea, Jepang, Taiwan, Tiongkok, Vietnam, Brunei Darussalam, Meksiko, Spanyol, Jerman, Switzerland, Swedia, Norwegia, Rusia, dan Iran